

**KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN DI KALANGAN  
PELAJAR-PELAJAR UiTM SARAWAK**

**OLEH :**

**AHMAD ROZAINI ALI HASAN  
SHARIFAH ANOM OMAR  
WAN ARIFFIN WAN YON**

**OGOS 2009**

Tarikh : 14 Ogos 2009  
No. Fail Projek : 600-UiTMKS (CITU 5/1/01)

Prof Dr. Abu Bakar Abdul Majeed  
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)  
Institut Pengurusan Penyelidikan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

Yang Berbahagia Prof.,

**PENYERAHAN LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “KEMAHIRAN  
MEMBACA AL-QURAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR UiTM  
SARAWAK”**

Dengan hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk. Bersama-sama ini disertakan 2 (dua) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk “**KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR UiTM SARAWAK**” sebagai sebuah projek penyelidikan yang didaftarkan dengan RMI.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**AHMAD ROZAINI ALI HASAN**  
Ketua  
Projek Penyelidikan

# ISI KANDUNGAN

	<i>halaman</i>
<b>SURAT PENYERAHAN LAPORAN</b>	ii
<b>AHLI KUMPULAN PROJEK</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ISI KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	vii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	vii
<b>ABSTRAK</b>	x

## **BAB I**

## **Pengenalan**

1.0	Latar Belakang Kajian	1
1.1	Penyataan Masalah	4
1.2	Tujuan Kajian	8
1.3	Soalan Kajian	8
1.4	Kepentingan Kajian	9
1.5	Batasan Kajian	10
1.6	Huraian Istilah	10
	1.6.1 Kemahiran	10
	1.6.2 Membaca Al-Quran	11
	1.6.3 Pelajar-pelajar UiTM Sarawak	11

## ABSTRAK

Kemahiran membaca Al-Quran adalah merupakan satu keperluan asas bagi setiap umat Islam dan tanpa penguasaan ilmu Al-Quran dari aspek bacaan yang baik akan menyebabkan pelaksanaan ibadah Islam yang lain tidak dapat dijalankan secara sempurna. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar UiTM Kampus Kota Samarahan, Sarawak. Seramai 56 orang responden telah di pilih untuk menjalani ujian kemahiran membaca Al-Quran dari aspek ujian bacaan dan ujian pengetahuan ilmu Tajwid. Sampel dipilih secara rawak mudah dari kelas-kelas yang mengikuti kursus Prinsip Asas Islam bagi pelajar-pelajar semester satu. Instrumen kajian yang digunakan ialah ujian bacaan Al-Quran dan soal selidik. Data-data telah dianalisis menggunakan perisian SPSS 15.0 dengan menggunakan statistik deskriptif seperti frekuensi dan peratus. Ujian Crosstab juga dilakukan untuk melihat tahap bacaan pelajar dengan faktor dorongan dan umur mula membaca Al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar berdasarkan peratusan tahap pencapaian bacaan adalah sederhana. Hasil analisis juga menunjukkan terdapatnya pengaruh faktor dorongan ibubapa terhadap pencapaian tahap bacaan Al-Quran pelajar. Dapatan juga menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai masalah mengenai ilmu tajwid di samping menghadapi kesukaran untuk menyebut dengan sebutan yang betul dan tepat.

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Al-Quran merupakan kitabullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, sebagai rujukan kepada seluruh umat manusia. Ia menjadi pegangan dan panduan yang tidak terbatas. Oleh itu kemahiran membaca Al-Quran adalah merupakan satu ilmu yang wajib dimiliki oleh setiap orang-orang Islam. Ini adalah kerana dengan kemahiran membaca Al-Quran ini membolehkan setiap orang Islam memahami serta menterjemahkan ajaran Al-Quran itu di dalam kehidupan seharian mereka.

Kehidupan Nabi Muhammad adalah dipandukan dengan pentarbiyahan al-Quran itu sendiri. Ini dijelaskan oleh Siti A'isyah ketika ditanya kepadanya mengenai akhlak rasul maka dijawab oleh A'isyah akhlak nabi adalah seperti Al-Quran yang berjalan (Al-Qabbaini 1994). Justeru itu, melalui kemahiran asas iaitu membaca Al-Quran barulah proses pendidikan Islam yang lain dapat diterapkan dengan sempurna.

Al-Quran hingga kini kekal dengan bacaan dan penulisan yang diwarisi daripada Nabi Muhammad S.A.W sejak 1400 tahun yang lalu (Hassan Mahmud 1986). Usaha